

# CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET

Amlodipine Besilate 5 mg & 10 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET
2. Bagaimana CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET
4. Cara menggunakan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET
5. Semasa menggunakan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## 1. Apakah kegunaan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET digunakan untuk:

- Tekanan darah tinggi
- Pelbagai jenis angina kecuali angina tidak stabil

Amlodipine boleh digunakan untuk merawat angina secara monoterapi atau bersama-sama dengan ubat lain.

## 2. Bagaimana CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET berfungsi

Amlodipine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *calcium-channel blocker* (antoganis kalsium). *Calcium-channel blocker* menurunkan tekanan darah dengan mengendurkan dinding saluran darah. Ia juga mempunyai kesan pada jantung, oleh itu ia boleh digunakan untuk angina (angina pektoris).

## 3. Sebelum menggunakan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET

*Bila tidak boleh menggunakan*

- Jika anda alergik terhadap amlodipine atau *calcium-channel blocker* yang lain (yang dipanggil derivatif dihydropyridine), atau mana-mana bahan kandungan yang lain.
- Jika anda mempunyai tekanan darah yang sangat rendah.
- Jika anda mengalami kejutan (penurunan tekanan darah yang sangat teruk dan anda menjadi tidak sedarkan diri).

- Jika anda menderitai angina pektoris tidak stabil.

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana di atas berkaitan dengan anda, tanya ahli farmasi atau doktor.

### *Sebelum mula menggunakan*

Tanya doktor dan ambil perhatian khas dengan tablet amlodipine

- Jika anda mengalami kegagalan jantung.
- Jika anda mempunyai masalah hati; amlodipine harus digunakan dengan berhati-hati kerana dos yang diperlukan tidak diketahui dengan tepat dalam situasi ini.
- Jika anda di bawah umur 18 tahun; amlodipine tidak harus diberi kepada kanak-kanak kerana tidak terdapat pengalaman yang cukup mengenai penggunaannya pada kanak-kanak.

### *Kehamilan*

Maklumat keselamatan dalam pengambilan Amlodipine semasa mengandung adalah terhad. Amlodipine hanya digunakan semasa mengandung jika doktor memutuskan bahawa ia adalah sangat diperlukan.

### *Menyusu*

Tiada maklumat mengenai penggunaan amlodipine semasa menyusu. Anda dinasihatkan agar tidak menyusu semasa menggunakan amlodipine. Tanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

### *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat lain atau jika baru-baru ini anda telah mengambil ubat lain, termasuk ubat yang boleh anda beli tanpa preskripsi.

## 4. Cara menggunakan CAMLODIN<sup>®</sup> TABLET

### *Berapa banyak harus digunakan*

Sentiasa mengambil amlodipine tepat seperti yang diberitahu doktor. Anda harus semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Dos itu ditentukan oleh doktor. Ambil tablet melalui mulut dengan cecair yang banyak, contohnya segelas air.

### *Dewasa*

Dos permulaan untuk tekanan darah tinggi dan angina: 5 mg sekali sehari.

Dos itu boleh bertambah kepada maksimum 10mg sekali sehari.

### *Kanak-kanak*

Amlodipine tidak harus digunakan pada kanak-kanak.

### *Warga tua*

Tiada dos yang khas untuk warga tua; namun, perhatian perlu diberi apabila dos dinaikkan.

### *Jika anda mempunyai masalah ginjal*

Jika anda mempunyai masalah ginjal, dos tidak perlu diubah. Amlodipine tidak boleh dikeluarkan daripada darah melalui dialisis (ginjal tiruan).

Jika anda menjalani dialisis, amlodipine harus diambil dengan perhatian khas.

### *Jika anda mempunyai masalah hati*

Dos tepat yang diperlukan untuk pesakit dengan masalah hati belum ditentukan. Jika anda mempunyai masalah hati, amlodipine harus digunakan dengan berhati-hati.

Jika anda rasa tablet amlodipine tidak berfungsi atau mempunyai kesan yang terlalu kuat, beritahu doktor atau ahli farmasi.

### *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### *Berapa lama perlu digunakan*

Doktor telah memberitahu anda untuk berapa lama anda perlu mengambil amlodipine. Jika anda berhenti rawatan dengan tiba-tiba, simptom anda akan berulang. Jangan berhenti rawatan lebih awal daripada yang disetujui tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa mengambil sesuatu tablet, anda masih boleh mengambilnya sehingga 12 jam selepas anda biasa mengambil tablet. Jika lebih daripada 12 jam selepas masa yang sepatutnya anda mengambil tablet, anda tidak perlu

mengambil dos yang terlepas, hanya mengambil tablet yang seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggenapkan dos yang terlepas.

*Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera.

Orang yang berkenaan perlu berbaring. Simptom terlebih dos ialah: pening melampau dan/atau berasa sangat pitam, masalah dengan pernafasan, membuang air kecil yang sangat kerap.

## 5. Semasa menggunakan CAMLODIN® TABLET

*Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CAMLODIN® TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi CAMLODIN® TABLET dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

*Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berbincang dengan doktor jika anda:

- mempunyai kegagalan jantung
- mempunyai fungsi hati yang kurang
- warga tua

## 6. Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang paling lazim diperhatikan ialah:

Sistem Saraf Autonomik: muka merah  
Badan sebagai satu Keseluruhan : keletihan

Kardiovaskular, Umum: edema

Sistem Saraf Pusat & Periferai: pening, sakit kepala

Gastrosus: sakit abdomen, meloya  
Kadar/Rentak jantung: berdebar-debar

**Jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.**

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

## 7. Cara penyimpanan dan pelupusan CAMLODIN® TABLET

*Penyimpanan*

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C di tempat yang kering. Jangan gunakan tablet CAMLODIN selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label / karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan berkenaan.

*Pelupusan*

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## 8. Maklumat lanjut

*Rupa dan warna produk*

Camlodin® 5 Tablet: Tablet berwarna kuning, bulat, sedikit dwicembung dengan garisan putus pada satu muka.

Camlodin® 10 Tablet: Tablet berwarna biru, bulat, tertekap "SPL" pada satu muka.

*Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif:  
*Amlodipine Besilate*. Setiap tablet mengandungi 5 mg dan 10 mg Amlodipine.
- Bahan tidak aktif:  
*Pregelatinized starch, Microcrystalline cellulose, Lactose, FD & C Blue No.1 (untuk Camlodin 10mg), FDC Yellow (untuk Camlodin 5mg), Purified water dan magnesium stearate.*

**NO MAL:**

**1.Camlodin 5 Tablet: MAL07122772A**

**2.Camlodin 10 Tablet: MAL07122773A**

## Pengilang

**Square Pharmaceuticals Limited,**  
Square Road, Salgaria, Bangladesh.

## Pemegang Pendaftaran Produk

**Medispec (M) Sdn Bhd,**  
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2,  
(Off Boundary Road),  
11400 Ayer Itam, Penang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/02/14